S/K.KEW/PK/KK/2000/030210/55/01 Jld.4 SJ.6 (32)

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 9 TAHUN 2011

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Agensi Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

KONTRAK SISTEM PANEL BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PENGIRIMAN SISTEM PERAWATAN NAJIS KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SELURUH MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (**PKP**) ini bertujuan memaklumkan mengenai Kontrak Sistem Panel bagi perolehan bekalan dan pengiriman Sistem Perawatan Najis kepada semua agensi Kerajaan di seluruh Malaysia.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju agar item Sistem Perawatan Najis diuruskan melalui **Kontrak Sistem Panel**. Agensi Kerajaan hendaklah memperoleh item berkenaan hanya di kalangan panel pembekal yang dilantik.

3. Kriteria pelantikan panel pembekal adalah seperti berikut:-

   i. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai pembuat dalam kod bidang 140199 (Pembuat *Sewerage Treatment Equipment/System*);

   ii. Bertaraf Bumiputera pada setiap masa;

   iii. Berkemampuan dari segi teknikal dan kewangan dengan minimum modal berbayar sekurang-kurangnya RM500,000.00;

iv. Produk mempunyai kelulusan penggunaan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (**SPAN**);

v. Produk mempunyai sijil perakuan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau IKRAM QA Services Sdn. Bhd. yang masih sah tempoh lakunya; dan

vi. Syarikat perlu menyenaraikan produk keluaran masing-masing dalam senarai yang dikeluarkan oleh badan persijilan seperti berikut:

a. Senarai Bahan/Barangan Binaan Tempatan yang dikeluarkan oleh IKRAM QA Services Sdn. Bhd; atau

b. Senarai Bahan/Barangan Buatan Tempatan yang dikeluarkan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

TEMPOH KONTRAK

4. Tempoh Kontrak Sistem Panel adalah selama **tiga puluh (30) bulan** mulai **1 Julai 2011 sehingga 31 Disember 2013** dengan melantik lima (5) panel pembekal. Selepas tempoh tersebut, Kerajaan berhak untuk mengekalkan atau menggugurkan item Sistem Perawatan Najis daripada Kontrak Sistem Panel.

MAKLUMAT PANEL PEMBEKAL

5. Maklumat panel pembekal adalah seperti berikut:-

Bil	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank
i.	Atostech Fibreglass Sdn. Bhd.	Lot PT 21554K, Jalan Gelam 1 Kawasan Perindustrian Gong Badak **21300 KUALA TERENGGANU** Terengganu Darul Iman No Tel: 09-666 6614 09-666 6682 No Faks: 09-666 6627 09-666 3682 E-mel: atostech@yahoo.com	RHB BANK BERHAD No 31, Jalan Sultan Ismail **20200 KUALA TERENGGANU** Terengganu Darul Iman No Akaun: 21303800002803
ii.	Bayu Tiara Engineering Sdn. Bhd.	No. 71 & 72, Jalan PKNK 1/8 Kawasan Perindustrian Sungai Petani **08000 SUNGAI PETANI** Kedah Darul Aman No Tel: 04-448 2427 04-448 2429 No Faks: 04-448 2428 E-mel: byutiara@yahoo.com.my	MALAYAN BANKING BERHAD 522-566, Jalan Jelutong **11600 PULAU PINANG** No akaun: 507031207836

Bil	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank
iii.	System Everest Sdn. Bhd.	No. 2, Jalan P/19, Seksyen 10 Selaman Light Industrial Park Phase 1 **43650 BANDAR BARU BANGI** Selangor Darul Ehsan No. Tel: 03-8922 1314 03-8920 1314 No. Faks: 03-8922 2314 E-mel: www.systemeverest.com	CIMB BANK BERHAD 67, Jalan 8/1, Seksyen 8 **43650 BANDAR BARU BANGI** Selangor Darul Ehsan No Akaun: 12470003678054
iv.	PJBUMI Composites Sdn. Bhd.	Plot 1 & 2, Jalan PKNK Utama Kawasan Perusahaan Sungai Petani **08000 SUNGAI PETANI** Kedah Darul Aman No Tel: 04-442 9000 No Faks: 04-442 7210 E-mel:hamsiah@pjbumi.com.my	CIMB BANK BERHAD 1, Jalan 9A/55A Taman Setiawangsa **54200 KUALA LUMPUR** No Akaun: 1435-0004353-05-5
v.	D'Bumi Water Sdn. Bhd.	PT 30120-30121, Jalan Johan 2/1B, Kawasan Perindustrian Pengkalan 2 **31550 LAHAT** Perak Darul Ridzuan No Tel: 05-363 2200 05-363 2201 No Faks: 05-363 2202 E-mel: dbumiwater@yahoo.com	PUBLIC BANK 2644-2648 Jalan Che Bee Noor **14000 BUKIT MERTAJAM** Pulau Pinang No Akaun: 3985340210

6. Syarikat panel adalah diwajibkan mengemukakan laporan seperti di **Lampiran A** ke Kementerian Kewangan untuk setiap suku tahun sebelum 15hb. bulan berikutnya sebagai memenuhi keperluan Kontrak Sistem Panel ini.

KAEDAH PEROLEHAN

7. Perolehan bagi item Sistem Perawatan Najis hendaklah diuruskan sendiri oleh setiap agensi di kalangan lima (5) panel pembekal dengan mematuhi tatacara perolehan yang ditetapkan seperti berikut:

i. Perolehan bernilai di bawah RM50,000.00 setahun atau dalam satu kontrak, agensi dibenarkan melaksanakan perolehan secara pembelian terus dengan mana-mana syarikat panel pembekal yang dilantik;

ii. Perolehan melebihi RM50,000.00 sehingga RM500,000.00 setahun atau dalam satu kontrak, hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga di kalangan semua syarikat panel pembekal yang dilantik. Pemilihan syarikat panel pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Agensi; dan

iii. Perolehan melebihi RM500,000.00 setahun atau dalam satu kontrak, hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga di kalangan semua syarikat panel pembekal yang dilantik. Pemilihan syarikat panel pembekal yang berjaya hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi.

SKOP KONTRAK SISTEM PANEL

8. Skop Kontrak Sistem Panel bagi item Sistem Perawatan Najis ini adalah tertakluk kepada tangki jenis ***Fibre Reinforced Plastic*** **(FRP)** sahaja. Bagi perolehan Sistem Perawatan Najis selain daripada FRP, agensi hendaklah menguruskannya mengikut tatacara perolehan semasa yang sedang berkuat kuasa.

PELAKSANAAN PEROLEHAN SECARA *eBIDDING*

9. Agensi Kerajaan adalah digalakkan membuat perolehan secara ***eBidding*** dan hendaklah selaras dengan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

10. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memastikan agensi di bawah kawalannya mematuhi peraturan perolehan yang ditetapkan dalam menguruskan perolehan ini. Agensi tidak dibenarkan memperoleh item tersebut daripada punca lain tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan atau Pegawai Kewangan Negeri, mengikut mana yang berkenaan.

11. Panel pembekal tidak dibenarkan sama sekali men*sub*kan pembuat tangki perawatan najis kepada pihak lain.

12. Pelanggaran kepada syarat yang ditetapkan di Para 11 boleh mengakibatkan pelantikan syarikat panel akan ditarik balik. Agensi dikehendaki memantau dan melaporkan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan sekiranya mendapati pihak panel pembekal tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan.

HAL-HAL LAIN

13. Agensi juga hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi panel pembekal yang kurang memuaskan ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:-

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Bekalan dan Perkhidmatan)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

14. Jika ada sebarang pertanyaan mengenai PKP ini, agensi Kerajaan boleh menghubungi Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian telefon 03-8882 3201 atau 03-8882 3295.

KUAT KUASA

15. **PKP** ini berkuat kuasa mulai pada tarikh 01 Julai 2011. Dengan berkuat kuasanya **PKP** ini, **PKP** Bil. 5 Tahun 2009 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DATO' FAUZIAH YAACOB)
Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Bertarikh: 19 **Oktober 2011**

s.k.

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

LAMPIRAN A

PENYATA PESANAN DAN BEKALAN BAGI BULAN _____ / _____
SISTEM PERAWATAN NAJIS

BIL	NAMA KEMENTERIAN / JABATAN / BADAN BERKANUN YANG MEMBUAT PESANAN	NO. PESANAN TARIKH PESANAN	KUANTITI PESANAN	NILAI	TARIKH BEKALAN	KUANTITI YANG DIBEKALKAN	JENAMA CASIS	KUANTITI YANG BELUM DIBEKALKAN
	JUMLAH							

ADALAH DISAHKAN BAHAWA PENYATA YANG DINYATAKAN DI ATAS ADALAH BENAR

Tandatangan Kontraktor :

Jawatan :

Tarikh dan Cop Syarikat :

Nota : Laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan setiap suku tahun walaupun syarikat tidak menerima pesanan.